

BN Selangor Bawa Usul Mengenai Isu PKNS Ke Sidang DUN

Bernama

13 Feb, 2014

TANJONG KARANG, 13 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor akan membawa usul mengenai isu membabitkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang sering menimbulkan kontroversi ke persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Mac ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Noh Omar berkata usul itu adalah bagi mendesak Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) menjalankan siasatan terhadap urus tadbir anak syarikat kerajaan negeri.

"BN Selangor melalui Datuk Mohd Shamsuddin Lias (ketua pembangkang) akan membawa usul itu ke sidang DUN untuk dibahaskan. Isu membabitkan PKNS membuktikan kerajaan negeri Pakatan Rakyat boleh buat apa sahaja untuk kepentingan politik dan peribadi mereka," katanya dalam sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kali ke-42 dan penyampaian bantuan awal persekolahan tahun 2014 di sini, hari ini.

Noh berkata demikian ketika mengulas isu membabitkan PKNS seperti penamatan perkhidmatan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Azmin Ali sebagai Anggota Lembaga Pengarah PKNS dan terbaru penamatan kontrak 22 kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Holdings Sdn Bhd (PHSB).

Beliau berkata BN Selangor pernah membangkitkan bantahan terhadap pelantikan pekerja kontrak PHSB di persidangan DUN pada 2012 tetapi ketika itu Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mempertahankan pelantikan itu.

"Tetapi sekarang bila ada masalah peribadi dengan Azmin maka pekerja jadi mangsa apabila Abdul Khalid memutuskan untuk memberhentikan mereka. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri bukan membela rakyat tetapi membela kepentingan peribadi.

"Kalau betul pelantikan pekerja itu merugikan, sepatutnya masa wakil BN bantah, dia (Abdul Khalid) kena terima fakta tetapi dia tidak terima kenyataan dan pertahankan tindakan itu disebabkan politik sedangkan kita sudah nampak tiada keperluan (pelantikan pekerja kontrak)," katanya.

Sementara itu, Mohd Shamsuddin berkata melalui usul itu pihaknya akan menggesa Selcat menjalankan siasatan sama ada wujudnya penyelewengan atau rasuah dan masalah integriti dalam urus tadbir anak syarikat kerajaan negeri.

"Kita telah banyak kali persoalkan urus tadbir PKNS yang tidak betul (seperti) ambil konsultan luar yang dibayar dengan harga tinggi dan pembayaran gaji terlalu tinggi kepada pekerja kontrak dalam

anak syarikatnya tetapi Abdul Khalid mempertahankannya. Apa yang kita lihat hari ini pada saya ia membabitkan politik dalaman," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014386>